

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI TIONG KING SING (BINTULU)

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) apakah status terkini dan perancangan Kementerian dalam usaha menaik taraf gred, kekuatan pasukan dan bangunan Ibu Pejabat Polis Daerah Bintulu; dan

(b) apakah perancangan menaik taraf Balai Polis Tanjung Kidurong dan Pondok Polis Daerah Sebauh akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin mengenai prasarana setiap agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), termasuklah yang melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil perhatian mengenai perancangan naik taraf Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bintulu, Balai Polis Tanjung Kidurong dan Pondok Polis Daerah Sebauh. Pada masa ini, Balai Polis Tanjung Kidurong dan Pondok Polis Daerah Sebauh terletak di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bintulu. Manakala Kementerian ini melalui PDRM telah meneliti dan mengangkat permohonan untuk menaiktaraf IPD Bintulu, Balai Polis Tanjung Kidurong dan Pondok Polis Daerah Sebauh sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan polis kepada masyarakat di kawasan-kawasan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat perancangan bagi pembangunan sesebuah projek di bawah Kementerian Dalam Negeri, termasuk baik pulih balai dan pondok polis adalah ditentukan berdasarkan prioriti dan kriteria-kriteria keutamaan mengikut kemampuan kewangan Kerajaan. Dalam hal ini, keperluan pembangunan atau naik taraf balai polis ini akan dikaji mengikut keutamaan bagi dipertimbangkan di dalam *Rolling Plan* (RP) 3, Rancangan Malaysia (RMK) Ke-12 Tahun 2023.